



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

NOTIS PEMBERITAHUAN

**KERJA-KERJA UNDI BIL. 3/2022 DI BAWAH PERUNTUKAN KUMPULAN WANG
AMANAH PENYENGGARAAN JALAN (MARRIS) SUKU TAHUN KE-4 TAHUN 2022**

Adalah dimaklumkan bahawa **MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH** akan mengadakan cabutan bagi kerja-kerja undi pada ketetapan seperti berikut:

Notis Iklan	19 Disember 2022 (Isnin)
Tempoh Pendaftaran (secara online)	19 Disember 2022 (Isnin) sehingga 20 Disember 2022 (Selasa) sehingga jam 5.00 petang
Tarikh cabutan undi	22 Disember 2022 (Khamis)
Masa cabutan undi	11.30 pagi
Tempat	Secara Live melalui Facebook Majlis Perbandaran Alor Gajah

BERDAFTAR DENGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)			
Kelas	Taraf	Kategori	Pengkhususan
G1	Bumiputera	CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam)	CE21

Sehubungan itu, tuan/puan adalah dipelawa menyertai sesi cabutan undi di atas dengan mengisi **Borang Penyertaan Cabutan Undi secara atas talian (online)** dipautan berikut <https://portal.mpag.gov.my/evoting> tertakluk kepada **Syarat-Syarat Penyertaan** seperti di Lampiran A. **Senarai Tajuk Projek** adalah di Lampiran B. Kontraktor boleh mendapatkan maklumat projek dan syarat-syarat penyertaan melalui laman web rasmi MPAG dan 'Facebook MPAG.


(RADZYMA BINTI MAHAT)
Pengarah Penguatkuasa
Majlis Perbandaran Alor Gajah

19 Disember 2022



**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN CABUTAN UNDI (ONLINE)
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH**

Kontraktor yang berminat hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut :-

- 1) Kerja undi ini hanya dibuka kepada kontraktor yang berdaftar dengan CIDB, BPKU, SSM serta mempunyai sijil-sijil berikut :-
 - i. Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB
 - ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
 - iii. Sijil Taraf Bumiputera
 - iv. Sijil Pendaftaran Perniagaan (SSM)
- 2) Kontraktor yang beralamat pendaftaran dalam kawasan pentadbiran **Majlis Perbandaran Alor Gajah SAHAJA.**
- 3) Tempoh sah dokumen pendaftaran CIDB, SPKK, BPKU dan SSM sekurang-kurangnya **3 bulan daripada tarikh undian.**
- 4) Hanya penama di dalam PPK, SPKK, atau STB sahaja boleh memohon atau berdaftar secara atas talian dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dinamakan dalam sijil.
- 5) Kontraktor perlu **melengkapkan pendaftaran secara online** di pautan berikut <https://portal.mpag.gov.my/evoting> dan **membuat pembayaran** sebanyak **RM 50.00** bagi setiap satu penyertaan.
- 6) Kontraktor hendaklah **berdaftar dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah.**
- 7) Belum pernah memperolehi projek/kerja daripada Majlis Perbandaran Alor Gajah untuk tahun 2022.
- 8) Tidak pernah disenarai hitam atau dikenakan tindakan tatatertib oleh CIDB/MPAG.
- 9) **Hanya satu (1) kali pendaftaran sahaja dibenarkan. Sekiranya didapati terdapat pendaftaran berulang akan menyebabkan kontraktor hilang kelayakan untuk menyertai proses undi ini.**
- 10) Senarai Kontraktor/Syarikat dan Nombor Undian yang layak untuk menyertai kerja undi akan dihebahkan di laman web rasmi dan Facebook rasmi Majlis Perbandaran Alor Gajah sebelum proses undi dijalankan.

SENARAI KERJA UNDI BIL 3/2022

PARLIMEN ALOR GAJAH

BIL	TAJUK PROJEK	TEMPOH PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1.	Kerja – kerja Penyelenggaraan Jalan, Tembok dan Lain – lain Kerja Berkaitan di Taman Rembia Setia, Alor Gajah	4 Minggu	RM26,850.00
2.	Kerja – kerja Penyelenggaraan Jalan dan Lain – lain Berkaitan di Jalan Perhentian Bas Pulau Sebang dan Taman Rakyat Kuala Ina, Alor Gajah.	3 Minggu	RM34,725.00
3.	Kerja – kerja Penyelenggaraan Longkang, Tembok, Jalan dan Lain – lain Berkaitan di Taman Baiduri, Pulau Sebang	8 Minggu	RM95,492.00
4.	Kerja – kerja Penyelenggaraan Longkang, Jalan dan Lain – lain Kerja Berkaitan di Taman Rembia Perkasa, Alor Gajah	6 Minggu	RM54,724.30

SENARAI KERJA UNDI BIL 3/2022

PARLIMEN MASJID TANAH

BIL	TAJUK PROJEK	TEMPOH PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1.	Kerja – kerja Penyelenggaraan Tembok, Longkang dan Lain – lain Kerja Berkaitan di Taman Seri Gamelan	4 Minggu	RM24,950.00
2.	Kerja – kerja Penyelenggaraan Longkang, Tembok dan Lain – lain Kerja Berkaitan di Rumah Awam Sri Jeram, Masjid Tanah, Melaka.	6 Minggu	RM31,125.00
3.	Kerja – kerja Penyelenggaraan Jalan, Longkang, Tembok dan Lain – lain Kerja Berkaitan di Taman Bandar Baru Masjid Tanah.	6 Minggu	RM78,940.00
4.	Kerja – kerja Penyelenggaraan Longkang, Jalan dan Lain – lain Kerja Berkaitan di Taman Jati Indah, Alor Gajah	7 Minggu	RM73,070.00